

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my FOTO: KOLEKSI DUTA JAUHAR



KAMI CAKNA

Duta Jauhar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) adalah salah satu program di bawah Persatuan Mahasiswa Anak Johor Universiti Sains Islam Malaysia (Maju) yang dikelolakan sepenuhnya Yayasan Pelajaran Johor. Duta Jauhar adalah jenama khusus untuk semua mahasiswa yang menyertai program ini.

Menurut Pengarah Projek Duta Jauhar Usim Segamat, Muhammad Fadhil Kamarrudin, Duta Jauhar adalah gabungan dua perkataan iaitu duta, bermaksud wakil, menjadi simbolik kepada kumpulan mahasiswa mewakili kawasan yang mereka pilih untuk menjalankan kegiatan.

Manakala Jauhar merujuk permata - menjadi simbolik kepada permata-permata yang akan dihasilkan dari segenap aspek seperti kepimpinan mahasiswa, kegiatan untuk menambah nilai ekonomi, aspek sahsiah dan pembangunan kepada masyarakat di semua kawasan yang mereka wakili.

Katanya, program ini dicetuskan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Khaled Nordin, dengan tujuan menegenahkan kepimpinan mahasiswa negeri Johor untuk berkhidmat dan menabur bakti kepada rakyat menerusi program-program yang dirancang oleh mahasiswa untuk memberi kebaikan kepada setiap pelosok negeri dan warga Johor.

Tambahnya, semua program dirangka berteraskan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (BOS).

"Program ini selaras dengan gagasan BOS hasil inisiatif Perdana Menteri dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta yang berpusat di Johor untuk menjayakannya.

"Duta Jauhar kali ini membabitkan penyertaan 330 mahasiswa, mewakili 22 kumpulan dari 19 universiti seluruh negara termasuk Usim yang mempunyai 30 ahli dan dibahagi kepada dua tempat iaitu Segamat, dan Pagoh," katanya.

TERBUKA KEPADA ANAK JOHOR

Duta Jauhar ini terbuka kepada semua mahasiswa yang berasal dan menetap di negeri Johor Darul Takzim.

Mereka perlu menghantar cadangan projek kepada Yayasan Pelajaran Johor melalui Persatuan Mahasiswa Anak Johor Usim (Maju) sebelum diterima dan disahkan sebagai ahli jawatankuasa pelaksana Duta Jauhar.



Fokus program pendidikan

Duta Jauhar ejen perantaraan pihak kerajaan dan masyarakat

Muhammad Fadhil berkata, dari segi objektif utama, Duta Jauhar bercita-cita menjadikan mahasiswa sebagai ejen transformasi, perantaraan dan perubahan antara pihak kerajaan dengan masyarakat.

"Selain itu, ia suatu latihan pembentukan sifat kepimpinan kepada mahasiswa Johor agar berkemampuan memimpin serta menjadi rujukan dan role model kepada masyarakat.

"Duta Jauhar turut memfokuskan peningkatan kualiti hidup, pemikiran, hubungan sosial dan ekonomi rakyat Johor," katanya.



Antara pengisian Projek Development Education Of Orang Asli (de'Asli)

BANTU ORANG ASLI

Menurut Muhammad Fadhil, fokus utama Duta Jauhar Usim Segamat adalah menjalankan projek yang berteraskan pendidikan, antaranya Projek *Development Education Of Orang Asli* (de'Asli).

"Kumpulan kami telah memilih masyarakat Orang Asli di Segamat Kecil sebagai kumpulan sasaran. Ia adalah kesinambungan daripada Program Cinta Ilmu Masyarakat Orang Asli.

"Kami juga memberi peluang kepada masyarakat setempat yang berhampiran agar sama-sama menjadi sukarelawan dalam membantu Orang Asli dari segi pembelajaran," katanya.

Projek *Development Education Of Orang Asli* (de'Asli) adalah membantu kanak-kanak kaum tersebut yang berumur lima hingga 12 tahun melalui penyediaan modul pendidikan yang melibatkan seluruh aspek pembelajaran di dalam kelas.

"Tujuan utama projek ini ialah untuk membantu mereka dari sudut pembelajaran yang lebih santai dan seronok, sekali gus dapat menimbulkan minat mereka untuk menimba ilmu dan hadir ke sekolah.

"Selain itu, kami juga membantu masyarakat Orang Asli ini untuk memperkenalkan adat resam mereka yang kebanyakannya berasal dari suku kaum Jakun kepada masyarakat luar. Ini juga adalah salah satu inisiatif bagi mengekalkan adat resam mereka," katanya.

KEJAYAAN DAN HARAPAN

Tambah Muhammad Fadhil, antara kejayaan Duta Jauhar Usim Segamat ialah, membina sudut pembelajaran kreatif dan menarik yang telah dirasmikan Ahli Parlimen Labis, merangkap Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Chua Tee Yong bagi murid-murid Sekolah Kebangsaan Segamat Kecil mengulang kaji pelajaran



pada waktu lapang.

Selain itu, pada bulan lepas Duta Jauhar Usim Segamat berjaya membawa hampir 90 sukarelawan dari Usim untuk sama-sama merasai pengalaman sebagai sukarelawan.

"Kami juga telah menjalin kerjasama bersama pihak Dewan Bahasa dan Pustaka

(DBP) Wilayah Selatan, dan masih dalam proses menerbitkan beberapa buah buku antaranya, pengenalan adat resam masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dan cerita hikayat Orang Asli yang mana ia akan dijadikan bahan rujukan dan akan diserahkan ke seluruh universiti serta perpustakaan di Malaysia.

"Harapan saya agar program sebegini dapat diteruskan lagi dan mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi.

"Pada masa akan datang juga diharap lebih ramai lagi masyarakat Orang Asli, khususnya di Johor dan amnya di Malaysia menempa nama di persada dunia luar; diharap juga mereka menjadi individu yang berkerjanya serta dapat menggapai cita-cita yang diimpikan," katanya.

ANUGERAH DAN KEJAYAAN:

- Kumpulan Cemerlang Duta Jauhar pada majlis perasmian penutup Kongres Duta Jauhar, 2013/2014.
- Pameran Terbaik Duta Jauhar pada majlis perasmian penutup Kongres Duta Jauhar 2013/2014.
- Mendapat Pingat Perak di i-Reka 2015 di Usim, Negeri Sembilan.
- Menang Pingat Emas di Novel Research Innovation Competition 2015 di USM, Pulau Pinang.
- Merangkul Anugerah Social Impact Policy Award dalam Novel Research Innovation Competition 2015 di USM, Pulau Pinang.
- Menang Pingat Emas dalam British Invention Show 2015 di London.
- Anugerah Double Gold for International Innovation of The Year (Leisure) dalam British Invention Show 2015 di London.



Barisan ahli jawatankuasa Duta Jauhar Universiti Sains Islam Malaysia, Segamat.